

Wan Rosdy dirawat di IJN bermula esok

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
- 6 Jun 2024, 9:23 am



WAN ROSDY Wan Ismail (lima dari kanan) akan menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur bermula esok.

KUANTAN: Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail akan menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur bermula esok sehingga satu tarikh yang akan ditentukan oleh pihak doktor.

Perkara itu dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Zulkifli Yaacob dalam kenyataannya hari ini.

“Menteri Besar Pahang akan menerima rawatan di IJN, Kuala Lumpur bermula pada 7 Jun 2024 sehingga satu tarikh yang akan ditentukan oleh pihak doktor.

“Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua pihak bersama-sama mendoakan agar rawatan yang dirancang akan berjalan lancar dan dipermudahkan oleh Allah SWT,” katanya dalam kenyataan di sini. – [UTUSAN](#)